

Perkosa anak jiran leka tonton televisyen

SETIU: Geram dengan kejelitaan anak jiran yang berusia belasan tahun, seorang lelaki gila seks sanggup memanjat tingkap rumah mangsa dengan hanya memakai seluar panjang sebelum bertindak merogol gadis malang itu, Rabu lalu.

Mangsa, pelajar tingkatan empat sebuah sekolah menengah di sini, ketika itu sedang menonton televisyen bersendirian di ruang tamu rumah di Jalan Kubur Penarik Baru, dekat sini, apabila suspek yang tidak memakai baju menekup mulutnya dari belakang sebelum menarik mangsa ke bilik tidurnya.

Mangsa kemudian dirogol sebelum ditinggalkan bersendirian dalam kejadian kira-kira jam 11 malam itu.

Ketika kejadian, dua adik mangsa yang masih kecil sedang tidur di bilik bersebelahan manakala bapa mangsa, seorang nelayan keluar ke laut.

Ibu mangsa yang bekerja sebagai pembantu kedai makan pula berada di

tempat kerja tidak jauh dari kampung terbabit.

Mangsa yang ketakutan tidak memberitahu cerita sebenar kepada ibunya pada malam kejadian, sebaliknya hanya menceritakan kejadian itu pada keesokan hari.

Ketua Polis daerah, Superintendan Shaik Othman Abdul Hamid berkata, mangsa yang tertekan dengan kejadian itu kemudian membuat laporan di Balai Polis Penarik pada jam 4.30 petang hari berikutnya.

Selepas membuat laporan, mangsa dihantar untuk pemeriksaan di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), Kuala Terengganu.

"Kami sedang menunggu laporan perubatan sebelum menyiapkan laporan penuh kes terbabit," katanya.

Beliau berkata, suspek berjaya dicekup di rumahnya pada Jumaat lalu dan ditahan untuk siasatan lanjut di Balai Polis Permaisuri mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksan kerana merogol.